



# NEWSLETTER

Disediakan oleh:


**NORAZLIN MUHARAM**

Ketua Penolong Pengarah, BPP

## PENGANGKUTAN, INFORMASI DAN KOMUNIKASI

Segmen **Pengangkutan, Informasi dan Komunikasi** meliputi perkhidmatan Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan Maklumat & komunikasi. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016, sejumlah 54,190 pertubuhan telah direkodkan dalam subsektor Pengangkutan dan penyimpanan. Manakala 8,008 pertubuhan telah direkodkan bagi subsektor Maklumat dan komunikasi. Segmen ini menyumbang sebanyak 9.7% kepada KDNK pada 2019.

### SUBSEKTOR PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN PENGANGKUTAN




**DEFINISI:** Seksyen ini termasuk penyediaan bagi pengangkutan penumpang atau muatan, sama ada berjadual atau tidak, melalui rel, saluran paip, jalan raya, air atau udara dan aktiviti yang berhubungkait seperti kemudahan terminal dan tempat memakir pesawat, pengendalian kargo, penyimpanan dll. Termasuk dalam seksyen ini adalah penyewaan kelengkapan pengangkutan dengan pemandu atau operator dan juga perkhidmatan pos dan kurier.

### Prestasi Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan

Pada tahun 2019, **subsektor Pengangkutan dan penyimpanan** merekodkan RM53.7 bilion dan menyumbang 3.8% kepada KDNK negara.

Pada tahun 2015, sejumlah RM109.2 billion **output kasar** telah dihasilkan berbanding RM76.3 billion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 7.4%.

Tiga negeri dengan nilai output kasar tertinggi




Saiz PKS	Bilangan Pertubuhan	Peratus
Mikro	50,755	94.5%
Kecil	1,538	2.9%
Sederhana	1,412	2.6%

**PKS:** 53,705 pertubuhan (99.1%) adalah PKS.



**Wanita:** Pada tahun 2015, 3,836 pertubuhan wanita direkodkan berbanding 2,874 pertubuhan (2010) dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.9%.

**Bilangan pekerja** pada 2015 adalah 411,273 orang berbanding 312,692 orang pada 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.6%.




**Jumlah gaji & upah** yang dibayar pada 2015 adalah RM14.3 bilion berbanding RM9.0 bilion pada 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.5%.

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016




Pada tahun 2015 perkhidmatan Pengangkutan dan penyimpanan merekodkan bilangan pekerja seramai 411,273 orang berbanding 312,962 orang pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.6 %. Pekerja sepenuh masa dalam subsektor ini merekodkan bilangan 358,916 orang pekerja pada tahun 2015 berbanding pada tahun 2010 (266,536 orang) dan bertumbuh dengan kadar 6.1 % setahun. Pekerja lelaki mendominasi pekerja perempuan dalam perkhidmatan ini pada tahun 2010 (Lelaki; 249,598, Perempuan; 63,364) dan 2015 (Lelaki; 318,784, Perempuan; 92,489).

## JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA




## JUMLAH PEKERJA



Perkhidmatan Pengangkutan darat direkod mempunyai bilangan pekerja yang tertinggi iaitu 184,125 orang (44.8%) pada tahun 2015. Ini diikuti oleh perkhidmatan Penggudangan dan aktiviti sokongan (125,928 orang; 30.6%) dan perkhidmatan Pengangkutan udara (40,543 orang; 9.9%).

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2015 adalah sebanyak RM14.2 bilion berbanding RM9.0 bilion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.5%. Perkhidmatan Penggudangan dan aktiviti sokongan mencatatkan jumlah gaji & upah yang tertinggi dibayar pada tahun 2015 iaitu RM5.0 bilion dengan pertumbuhan tahunan 16.3 %, diikuti oleh perkhidmatan Pengangkutan darat (RM4.3 bilion; 9.7%) dan perkhidmatan Pengangkutan udara (RM2.7 bilion; 3.9%).

## GAJI & UPAH (RM bilion)




Perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan purata gaji bulanan sebanyak RM3,265 (2015) berbanding RM2,728 (2010) dengan pertumbuhan tahunan 3.7 %. Purata gaji sebulan yang tertinggi dicatatkan oleh perkhidmatan Pengangkutan udara sebanyak RM5,547 diikuti oleh perkhidmatan Pengangkutan air (RM3,934) dan perkhidmatan Penggudangan dan aktiviti sokongan (RM3,353).


# Jumlah Pekerja Mengikut Kategori Kemahiran Dan Kelulusan, 2015

Perkhidmatan Pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dari kategori separuh mahir iaitu 193,191 orang (53.8%), diikuti oleh kurang mahir (93,222; 26.0%) dan mahir (72,503; 20.2%).

Pekerja mengikut kelulusan dalam perkhidmatan Pengangkutan dan penyimpanan menunjukkan kategori pekerja berkelulusan SPM/SPM (V) atau yang setaraf adalah yang tertinggi iaitu berjumlah 212,133 orang (51.6%). Ini diikuti oleh pekerja di bawah taraf kelulusan SPM/SPM (V) (50,040 orang; 12.2%) dan sijil (46,733 orang; 11.4%).



- Mahir
- Separa Mahir
- Kurang Mahir



- Pascasiswazah
- Ijazah sarjana muda/Diploma lanjutan atau yang setaraf
- Diploma
- STPM atau yang setaraf
- Sijil
- SPM/SPM (V) atau yang setaraf
- Di bawah taraf kelulusan SPM/SPM (V)

## 5 NEGERI UTAMA SUBSEKTOR PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN PENGANGKUTAN



### Bilangan Pertubuhan

**Selangor**

**20.6%**

2015: 11,178

2010: 7,272

**Johor**

**15.9%**

2015: 8,627

2010: 5,161

**Sabah**

**11.5%**

2015: 6,215

2010: 6,483

**W.P. Kuala Lumpur**

**9.9%**

2015: 5,373

2010: 2,977

**Sarawak**

**9.6%**

2015: 5,189

2010: 4,881



### Pertubuhan Milikan Wanita

**Selangor**

**29.6%**

2015: 1,137

2010: 477

**Johor**

**16.0%**

2015: 613

2010: 494

**Sabah**

**10.2%**

2015: 393

2010: 623

**Sarawak**

**7.6%**

2015: 290

2010: 307

**W.P. Kuala Lumpur**

**7.2%**

2015: 277

2010: 146

**Sumbangan**

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016

## KESAN COVID 19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



Pelaksanaan PKP untuk menangani wabak Covid 19 dijangka memberi kesan yang signifikan terhadap ekonomi Malaysia. Walaupun perkhidmatan Pengangkutan dan penyimpanan disenaraikan dalam *essential services*, perkhidmatan ini dijangka turut mengalami impak negatif. Ini susulan tindakan syarikat penerbangan mengurangkan kapasiti, penggantungan dan pembatalan penerbangan domestik dan antarabangsa.

Pendapatan syarikat dan pemandu teksi dijangka mengalami penurunan sehingga 90 peratus bagi bulan Mac dan pendapatan minimum bagi bulan-bulan selanjutnya berikutan rakyat mengambil langkah menghadkan pergerakan di luar.

Bagi mengurangkan risiko Covid19, tempoh operasi LRT, MRT dan Monorel telah dipendekkan kepada 9 jam sehari serta beberapa perkhidmatan rel lain telah ditangguhkan sementara.



# SUBSEKTOR MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Penerbitan



Pemrograman dan Penyiaran



Pengaturcaraan Komputer, Perundingan & Aktiviti yang berkaitan



Penerbitan Wayang Gambar, Video & Program Televisyen, Rakaman Bunyi & Penerbitan



Perkhidmatan Telekomunikasi



Perkhidmatan Maklumat



**DEFINISI:** Seksyen ini termasuk produksi dan pengedaran maklumat dan produk kebudayaan serta peruntukan untuk menghantar atau mengedar produk tersebut. Termasuk aktiviti penerbitan, wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, pemrograman dan penyiaran, telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan, aktiviti perkhidmatan maklumat.

## Prestasi Subsektor Maklumat dan Komunikasi



Pada tahun 2019, **subsektor Maklumat dan komunikasi** merekodkan RM84.3 bilion dan menyumbang 5.9% kepada KDNK negara.

Pada tahun 2015, RM124.6 bilion **output kasar** telah dihasilkan dalam perkhidmatan ini berbanding RM81.9 bilion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.8%.

Tiga negeri dengan nilai output kasar tertinggi



Pada 2015, 7,673 pertubuhan (95.8%) adalah pertubuhan kategori **PKS**

Saiz PKS	Bilangan Pertubuhan	Sumbangan
Mikro	3,750	48.9%
Kecil	3,383	44.1%
Sederhana	540	7.0%

**Bilangan pekerja** pada 2015 adalah 203,017 orang berbanding 131,127 orang pada 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.1%.

Pemilik yang bekerja & pekerja keluarga tidak bekerja


1,781 orang (0.9%)

Pekerja bergaji sambilan

678 orang (0.3%)

Pekerja bergaji sepenuh masa

200,558 orang (98.8%)



**Jumlah gaji & upah** yang dibayar pada 2015 adalah RM11.7 bilion berbanding RM6.4 bilion pada 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 12.8%.

**Wanita:** Pada tahun 2015, 252 pertubuhan wanita direkodkan berbanding 184 pertubuhan (2010) dengan kadar pertumbuhan tahunan 6.5%.




Perkhidmatan Maklumat dan komunikasi merekodkan bilangan pekerja seramai 203,017 orang pada tahun 2015 berbanding 131,127 orang pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.1%. Pekerja sepenuh masa dalam subsektor ini merekodkan bilangan 200,558 orang pekerja pada tahun 2015 berbanding 128,986 orang pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.2%. Secara keseluruhan, pekerja lelaki mendominasi pekerja perempuan dalam perkhidmatan ini pada tahun 2010 (Lelaki: 80,615, Perempuan: 50,512) dan 2015. (Lelaki: 123,211, Perempuan: 79,806).

Pada tahun 2015, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan mempunyai bilangan pekerja yang tertinggi iaitu 98,232 orang dengan sumbangan 48.4%. Ini diikuti oleh perkhidmatan telekomunikasi (51,510 orang; 25.4%) dan aktiviti penerbitan (16,480 orang; 8.1%).


Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2015 adalah sebanyak RM11.7billion berbanding RM6.4 billion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 12.8%. pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan mencatatkan jumlah gaji & upah yang tertinggi dibayar iaitu RM5.2 billion dengan pertumbuhan tahunan 11.5%, diikuti oleh perkhidmatan telekomunikasi (RM3.8 billion; 9.9%) dan perkhidmatan maklumat (RM0.9 billion; 9.4%).

Perkhidmatan Maklumat dan komunikasi mencatatkan purata gaji bulanan sebanyak RM4,786 (2015) berbanding RM4,062 (2010) dengan pertumbuhan tahunan 3.3%. Purata gaji sebulan yang tertinggi dicatatkan oleh aktiviti pemrograman dan penyiaran sebanyak RM7,287 diikuti oleh perkhidmatan telekomunikasi (RM6,155) dan perkhidmatan maklumat (RM4,657).

## JUMLAH PEKERJA SEPENUH MASA




## JUMLAH PEKERJA



- Penerbitan
- Penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen rakaman bunyi dan penerbitan muzik
- Pemrograman dan penyiaran
- Perkhidmatan Telekomunikasi
- Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan
- Perkhidmatan maklumat

## GAJI & UPAH (RM bilion)




- Penerbitan
- Penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen rakaman bunyi dan penerbitan muzik
- Pemrograman dan penyiaran
- Perkhidmatan Telekomunikasi
- Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti yang berkaitan
- Perkhidmatan maklumat



# Jumlah Pekerja Mengikut Kategori Kemahiran Dan Kelulusan, 2015

Perkhidmatan Maklumat dan komunikasi mencatatkan bilangan pekerja yang tertinggi dari kategori mahir iaitu 114,150 orang (56.9%), diikuti oleh separuh mahir (62,742; 31.3%) dan kurang mahir (23,666; 11.8%).


Pekerja dalam perkhidmatan Maklumat dan komunikasi didominasi oleh pekerja berkelulusan Ijazah sarjana muda/diploma lanjutan atau yang setaraf iaitu berjumlah 69,041 orang (34.0%). Ini diikuti oleh pekerja kelulusan SPM/SPM (V) atau yang setaraf (57,383 orang; 28.3%) dan berkelulusan diploma (43,475 orang; 21.4%).




## 5 NEGERI UTAMA SUBSEKTOR MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



### Bilangan Pertubuhan



### Pertubuhan Milikan Wanita



Sumbangan

Sumber : Laporan Banci Ekonomi 2016

## KESAN COVID 19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), subsektor Maklumat dan Komunikasi antara yang terkesan terutamanya bagi aktiviti Penerbitan Wayang Gambar, Video & Program Televisyen, Rakaman Bunyi & Penerbitan Muzik. Ini kerana pertubuhan-pertubuhan di bawah aktiviti ini tidak dapat beroperasi sepenuhnya seperti penutupan panggung wayang dan penangguhan aktiviti pasca produksi.

Malaysian Association of Film Exhibitors (MAFE) memutuskan untuk melanjutkan tempoh penutupan pawagam seluruh negara sehingga 30 April. Pawagam yang terlibat adalah Golden Screen Cinemas, TGV Cinemas, MM2 Screen Management (mmCineplexes), Lotus Five Star Cinemas dan Berjaya-GSC.

**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

